

03/07/1997

Tiada pampasan bagi tanah tanpa geran

KANGAR, Rabu - Kerajaan negeri tidak akan membayar apa jua pampasan terhadap setinggan yang membeli tanah tanpa geran daripada individu tertentu.

Ini kerana, tanah berkenaan adalah milik kerajaan negeri yang diceroboh individu terbabit dan diusahakan dengan pelbagai kegiatan tanaman, sebelum dijual kepada setinggan berkenaan.

Menteri Besar, Datuk Seri Shahidan Kassim, berkata kerajaan negeri sudah mengenal pasti setinggan yang membeli tanah itu serta pihak yang menceroboh tanah kerajaan.

Beliau berkata, mereka yang baru menduduki tanah tanpa geran itu akan diusir bagi memastikan keadaan kawasan itu dan alam sekitarnya tidak dirosakkan.

Katanya, kerajaan negeri bertindak tegas dalam menangani masalah itu kerana mahu memastikan kawasan terbabit terus terpulihara untuk generasi akan datang.

"Mereka yang membeli tanah usaha tanpa geran tidak mendapat apa-apa faedah kerana apabila diperintah keluar dari tanah itu, kerajaan negeri tidak akan membayar ganti rugi.

"Kita juga tidak mengeluarkan geran bagi tanah terbabit kerana ia membabitkan kawasan hutan simpan yang begitu penting sebagai tempat tadahan hujan," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Exco, di sini, hari ini.

Shahidan berkata, kerajaan negeri mengenal pasti ratusan setinggan dan individu tertentu, termasuk golongan kaya yang menceroboh tanah kerajaan di seluruh negeri ini.

Katanya, kawasan lebih 800 hektar yang diceroboh itu membabitkan Bukit Bintang, Wang Mu, Guar Jentik, Wang Kelian dan Pauh.

Beliau berkata, mereka akan didakwa menerusi Jabatan Perhutanan, selain nama mereka akan diserahkan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Ada orang mempertikaikan tindakan kerajaan negeri terhadap setinggan dan penceroboh terbabit dan mempersoal mengapa tindakan tidak dikenakan terhadap pengusaha kuari di situ.

"Ini disebabkan penguasaha kuari itu mendapat permit daripada kerajaan negeri untuk menjalankan kegiatan itu dan kita mengutip hasil kira-kira RM2 juta setahun daripada mereka," katanya.

(END)